

# 10 negara sahkan penyertaan dalam MAHA 2012 November ini

SEREMBAN 1 Julai - Sebanyak 10 negara mengesahkan menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA 2012) pada akhir November ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar berkata, negara tersebut adalah Afghanistan, Vietnam, Singapura, Korea Selatan, India, Qatar, Emiriah Arab Bersatu, Uzbekistan, Sri Lanka dan China.

Katanya, lebih banyak negara lagi dijangka mengesahkan penyertaan mereka menjelang MAHA 2012 yang akan diadakan mulai 23 November hingga 2 Disember ini.

"Berdasarkan maklum balas yang diterima, saya yakin MAHA tahun ini akan lebih hebat berbanding yang sebelumnya," katanya pada sidang akhbar selepas menupit MAHA peringkat Negeri Sembilan 2012 (MAHA NS 2012) di sini, semalam.

Turut hadir Pengurus Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Yunus Rahmat dan Timbalan Ketua Se-

tiausaha (Perancangan) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Raihan Sharif.

MAHA 2010 mencatatkan rekod penyertaan 22 negara luar termasuk Korea Selatan, China, Indonesia, Thailand, United Kingdom dan Syria.

Menurut Noh, beliau juga telah membuat jemputan ke MAHA 2012 semasa menghadiri mesyuarat menteri-menteri pertanian Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) bulan lalu di Kazan, Rusia.

"Malah saya berpeluang menyatakan jemputan itu secara peribadi kepada beberapa menteri pertanian yang saya temui," katanya.

Menurut Noh, apa yang paling penting melalui penyertaan negara luar adalah peluang para usahawan pertanian di negara ini meluaskan perniagaan mereka melalui pembandaran jualan.

"Selain itu, kita harap peserta luar akan membawa teknologi moden yang mereka miliki ke sini bagi mendedahkan usahawan kita dengan kaedah yang mampu menambah hasil dan pendapatan mereka," ujarnya.



NOH Omar memegang durian selepas menupit MAHA peringkat Negeri Sembilan 2012 (MAHA NS 2012) di bekas tapak Kem Paroi, Seremban, semalam. - UTUSAN/MD.SAHJEHAN MAAMIN